

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 23 JULAI 2018, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 5**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1411-L00916  
**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [ Bagan Datuk ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rasionalnya Malaysia ingin mendapatkan pinjaman kewangan daripada negara Jepun yang mempunyai nilai mata wang lebih tinggi daripada Ringgit walaupun faedah yang bakal dikenakan terhadap pinjaman tersebut dikatakan rendah, tidakkah akan menambahkan lagi hutang negara.
  
2. PR-1411-L00592  
**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan dengan terperinci cadangan penambahbaikan terhadap dasar negara yang melibatkan kepentingan kaum wanita serta program-program baru yang sedang dirancang untuk melahirkan wanita Malaysia yang sejahtera.
  
3. PR-1411-L00785  
**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan terkini untuk melaksanakan Skim Peduli Sihat Nasional bagi seluruh negara. Adakah Kerajaan Persekutuan mengikut model di negeri Selangor bagi seluruh negara.
  
4. PR-1411-L00361  
**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap penularan budaya songsang LGBT yang semakin membimbangkan selaras dengan peruntukan di dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan "Agama Islam ialah agama bagi Persekutuan".

5. PR-1411-L01199  
**Puan Leow Hsiad Hui [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah yang akan dilakukan oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan ekonomi dan kesejahteraan penduduk luar bandar terutamanya membasmi kemiskinan luar bandar.
  
6. PR-1411-L00262  
**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapakah penghutang PTPTN yang ingkar membayar balik hutang dikeluarkan daripada senarai hitam imigresen dan apakah inisiatif yang akan dilaksanakan pihak Kementerian bagi memastikan penghutang yang ingkar ini membayar balik hutang PTPTN mereka.
  
7. PR-1411-L00893  
**Tuan Chan Foong Hin [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI, SAINS, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR** menyatakan rancangan Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan perangkaan *System Average Interruption Duration Index* (SAIDI) di Sabah.
  
8. PR-1411-L00184  
**Tuan Robert Lawson Chuat [ Betong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian bagi meningkatkan tahap perkhidmatan perubatan pakar (Specialist Medical Services) khususnya di peringkat daerah di Sarawak.
  
9. PR-1411-L00566  
**Puan Noorita binti Sual [ Tenom ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan adakah Rancangan Tebatan Banjir Pekan Tenom telah mendapat peruntukan dan bilakah pelaksanaan projek berkenaan.
  
10. PR-1411-L00985  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi terus mengurangkan jumlah guru duka lara di negara ini dan apakah sasaran maksimum yang diletakkan oleh pihak Kementerian untuk dicapai dalam masa terdekat ini.

11. PR-1411-L00894  
**Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [ Johor Bahru ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan langkah-langkah penambahbaikan yang akan diambil terhadap agensi-agensi Kerajaan serta skim pinjaman dan bantuan seperti TEKUN, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Bantuan Sara Hidup Rakyat (BSHR) dan e-Kasih bagi memastikan bantuan yang disalurkan benar-benar mencapai sasaran dan penerima yang layak.
  
12. PR-1411-L01083  
**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan terma pelantikan dan jumlah kos untuk menampung kos 5 anggota Majlis Penasihat Kerajaan dibandingkan dengan kos operasi PEMANDU sebelum ini.
  
13. PR-1411-L00801  
**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status rundingan Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP). Adakah kerajaan telah menjalankan analisa kos faedah.
  
14. PR-1411-L00350  
**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [ Kota Tinggi ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sejauh mana janji Kerajaan dalam menghapuskan hutang-hutang tidak wajar ke atas peneroka FELDA seperti yang akan dilaksanakan. Nyatakan hutang-hutang tidak wajar yang diperkatakan oleh Kerajaan.
  
15. PR-1411-L01079  
**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan melancarkan skim sewa beli di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Rakyat Termiskin untuk membantu rakyat berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri.
  
16. PR-1411-L00360  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang nasional (*national debts*) dan adakah metodologi pengiraan hutang negara oleh Kerajaan baharu berbeza dengan Kerajaan terdahulu.

17. PR-1411-L01237  
**Brig Jen Khairy Jamaluddin [ Rembau ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan implikasi ke atas kedudukan kewangan negara unjuran daripada penurunan kadar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) kepada sifar peratus dan langkah yang sedang dan akan diambil secara mampan bagi mengatasi kekurangan sumber pendapatan daripada pengurangan kadar GST.
18. PR-1411-L00621  
**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) statistik para wanita Malaysia yang mendapatkan rawatan dan sokongan agensi Kerajaan disebabkan masalah mental dari tahun 2010 sehingga kini; dan
  - (b) langkah yang diambil Kementerian bagi memastikan kesihatan mental masyarakat dan para wanita khususnya, sentiasa berada di paras yang membanggakan.
19. PR-1411-L00531  
**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah dasar dan strategi Kerajaan bagi mengukuhkan hubungan Malaysia dengan negara-negara Islam yang lain terutamanya dalam bidang politik dan ekonomi.
20. PR-1411-L00667  
**Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [ Port Dickson ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji semula cukai pelancongan yang dikenakan pada kadar RM10 bagi setiap bilik untuk setiap malam bagi setiap pelancong asing dan akan membincangkan masalah ini dengan pihak-pihak berkaitan.
21. PR-1411-L00511  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memudahkan majikan memohon untuk mendapat permit pekerja asing dan bilakah amalan sekarang di mana permohonan hanya boleh dibuat melalui Kementerian Dalam Negeri di Putrajaya dan melalui syarikat-syarikat tertentu dapat diperbaiki.

22. PR-1411-L00256  
**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah barangan keperluan asas yang telah turun harganya dan langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam menurunkan harga barangan yang telah menyebabkan berlakunya peningkatan terhadap kos sara hidup.
23. PR-1411-L00031  
**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perkembangan siasatan semua skandal rasuah melibatkan Kementerian Pertahanan termasuk pembelian kapal selam Scorpene dan jet pejuang MIG.
24. PR-1411-L01020  
**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [ Petrajaya ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pendirian Kerajaan dalam cadangan untuk mewujudkan program kereta nasional kedua. Apakah signifikan terhadap cadangan tersebut memandangkan pengangkutan awam patut diberi perhatian.
25. PR-1411-L00097  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) kepada kapasiti 12 juta penumpang akan dimulakan. Perincian kos dan keluasan kawasan pembesaran termasuk pengambilan tanah.
26. PR-1411-L00489  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini projek pembinaan tempat letak kereta bertingkat Hospital Umum Sarawak (HUS) serta projek-projek berkaitan, status pembinaan Hospital Petra Jaya Sarawak serta Hospital Sri Aman. Jangka masa siap, pelan terkini serta syarikat-syarikat yang terlibat mengikut kontrak. Nyatakan sebab utama kelambatan projek tersebut dan langkah-langkah yang telah diambil bagi setiap hospital tersebut.

27. PR-1411-L01092  
**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kementerian terhadap cadangan Barisan Bertindak Hak Asasi Hindu (HINDRAF) supaya UiTM dibuka secara meluas kepada pelajar-pelajar India dan apakah usaha-usaha untuk memperkasakan UiTM sebagai institusi pendidikan Bumiputera bagi menjaga keistimewaan orang-orang Melayu seperti peruntukan Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan.
28. PR-1411-L01141  
**Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan aspek kawalan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti pembalakan di seluruh negara khususnya di Sabah, Sarawak dan Pahang.
29. PR-1411-L01005  
**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan 50 senarai gaji tertinggi lantikan politik Kerajaan Barisan Nasional dalam perkhidmatan awam, nama 50 jawatan atau agensi tersebut dan status terkini mereka.
30. PR-1411-L01124  
**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan SPRM ke atas bekas Perdana Menteri Malaysia Ke-6.
31. PR-1411-L00056  
**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk menaik taraf peralatan seperti perkakas, bangunan dan kemudahan yang digunakan di semua balai polis, ibu pejabat polis, berek serta kuarters anggota polis yang sudah menjadi usang, lama dan sangat kecil di seluruh Malaysia.
32. PR-1411-L00599  
**Dato' Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mekanisme yang akan diguna pakai pihak Kementerian bagi meneruskan program PERMATA dan apakah bentuk kajian semula yang dijalankan ke atas program tersebut.

33. PR-1411-L01320  
**Dr. Michael Teo Yu Keng [ Miri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan dengan Kes Pembunuhan Bill Kayong di Miri pada 21.06.2016 , pihak pendakwa raya tidak dapat mengemukakan bukti yang cukup untuk menyabit kesalahan terhadap seorang suspek utama yang dipercayai adalah dalang di sebalik pembunuhan tersebut. Suspek tersebut telah dilepaskan selepas pendakwa raya gagal membuktikan kes terhadap suspek itu. Nyatakan sama ada kes ini dapat dipertimbangkan oleh Kementerian untuk dibicarakan semula (*retrial*) untuk memastikan dalang yang mengarahkan pembunuhan arwah Bill Kayong dapat ditahan dan dipenjarakan.
34. PR-1411-L00786  
**Dato' Sivarraajh Chandran [ Cameron Highlands ]** minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan pendirian Kerajaan dalam mengekalkan Malaysian Indian Blueprint (MIB) yang dibuat oleh Kerajaan yang lalu. Kalau ya, adakah 7% pengambilan ke Universiti, peluang pekerjaan di sektor Kerajaan, dan Skim AS1M akan dikekalkan atau ia akan dinaikkan ke peratus yang lebih baik selaras dengan janji-janji Pakatan Harapan semasa PRU 14 kepada masyarakat India .
35. PR-1411-L00412  
**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status dan pelaksanaan Projek Jalan Jiwa Murni ke SK Jambu, dan Projek Jalan Jiwa Murni ke SK Ng.Kemalih/Ulu Entabai, Julau sekarang.
36. PR-1411-L00098  
**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kakitangan awam kontrak yang telah diberhentikan sejak penubuhan Kerajaan baharu serta apakah jaminan langkah jangka masa panjang Kementerian dalam menyediakan peluang pekerjaan khususnya bagi golongan pekerja berkemahiran.
37. PR-1411-L01343  
**Tuan Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [ Tambun ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan laporan audit yang telah disiapkan mengenai 1MDB oleh Jabatan Audit Negara namun masih belum dibentangkan sepenuhnya setelah diklasifikasikan mengikut Akta Rahsia Rasmi. Apakah Kerajaan berhasrat untuk membentangkan kepada Parlimen.
38. PR-1411-L00220  
**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-  
(a) apakah status terkini siasatan kes skandal 1MDB ; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang supaya kes 1MDB disiasat oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong .

39. PR-1411-L00669

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [ Beaufort ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah pembinaan Pusat Internet 1Malaysia (PP1M) akan diteruskan. Apakah status bagi pembinaan dua buah PP1M di Parlimen Beaufort yang diluluskan oleh Kerajaan sebelum ini.

40. PR-1411-L00164

**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada kanak-kanak bukan warganegara (termasuk yang tiada kewarganegaraan) dan tiada pasport/visa di mana bapa mereka merupakan warganegara, boleh belajar di sekolah kebangsaan.

41. PR-1411-L00011

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap individu-individu yang memalsukan alamat di kad pengenalan mereka untuk mengundi di sesuatu kawasan tertentu walaupun mereka tidak tinggal di kawasan itu.

42. PR-1411-L00939

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [ Lipis ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan penangguhan projek-projek mega seperti HSR dan MRT3 terhadap Kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk industri pembinaan.

43. PR-1411-L00990

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah dasar Kerajaan mengenai perdagangan dan hubungan Malaysia dengan Israel. Berapakah nilai perdagangan sama ada langsung atau tidak langsung dengan Israel setakat ini.

44. PR-1411-L00043

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [ Santubong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan dengan alasan-alasan yang terperinci kepada rayuan Malaysia untuk menyemak semula keputusan '*the Hague*' ke atas Batu Puteh ditarik balik.



45. PR-1411-L00244  
**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah dengan penghapusan GST akan menurunkan harga barang.
46. PR-1411-L00504  
**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah program pertukaran guru melalui program duka lara yang dilaksanakan sebelum ini akan dimansuhkan. Jika ya, apakah program baru yang akan dijalankan bagi menggantikan program guru duka lara.
47. PR-1411-L01318  
**Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status jalan menghubungkan Lawas ke Ba'kelalan di bawah 'Projek Jiwa Murni'. Pada masa yang sama bagaimana kedudukan Jalan Mengkalap ke Long Tengoa yang dipohon di bawah projek yang sama.
48. PR-1411-L00006  
**Datuk Abd Rahim bin Bakri [ Kudat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah projek pembinaan bangunan kekal SMK Bongkol dapat dilaksanakan memandangkan sekolah ini masih menumpang di bangunan SK Bongkol sejak sekian lama.
49. PR-1411-L01299  
**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan komited untuk memperbaharui dan meningkatkan operasi pasukan polis dengan menubuhkan Independent Police Complaints and Misconduct Commission (IPCMC). Kalau setuju, bilakah ia akan dilaksanakan.
50. PR-1411-L01382  
**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah perancangan Kementerian baharu dalam melaksanakan projek tempat letak kereta awam di Hospital Bintulu yang telah mendapat kelulusan Kerajaan terdahulu; dan
  - (b) sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian bagi memantapkan perkhidmatan perubatan di Bintulu dan bagaimanakah pelaksanaan tindakan tersebut .

51. PR-1411-L01354  
**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan sama ada beliau sudah menerima surat lantikan sebagai *Governors – Asian Infrastructure Investment Bank (AIIB)*. Apakah pandangan YB Menteri mengenai manfaat yang mampu diberikan AIIB kepada Malaysia.
52. PR-1411-L00198  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan siasatan SPRM ke atas kes-kes penjualan tanah DBKL semasa pimpinan BN, nyatakan projek yang dibekukan dan yang diteruskan sebagaimana jadual asal .
53. PR-1411-L00270  
**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan projek, program dan agensi yang telah atau akan dijenamakan semula dan jumlah kos yang terlibat untuk tujuan itu.
54. PR-1411-L00096  
**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ]** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan status projek tebatan banjir bernilai RM1 bilion yang dijanjikan kepada Pulau Pinang selepas bencana ribut dan banjir terburuk pada 4 dan 5 November 2017. Bilakah projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang akan dimulakan.
55. PR-1411-L01279  
**Tuan Arthur Joseph Kurup [ Pensiangan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah justifikasi cadangan penurunan had umur layak mengundi kepada 18 tahun? Apakah terdapat kajian atau persediaan yang dibuat oleh Kerajaan dalam mempertimbangkan cadangan tersebut sebelum dilaksanakan.
56. PR-1411-L00065  
**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) sama ada sebuah Suruhanjaya Diraja akan ditubuhkan untuk menyiasat kes kematian orang Rohingya dan Bangladesh yang merupakan mangsa penyeludupan manusia di Kedah; dan
  - (b) status terkini atas tindakan yang diambil terhadap pihak yang dituduh terlibat.

57. PR-1411-L01185

**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuat pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan untuk mengembalikan kuasa untuk membuat keputusan kepada YDPA sebagaimana keadaan sebelum pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1994 dan sekiranya tidak bercadang, apakah penjelasan dan justifikasi bagi keputusan Kerajaan tersebut.

58. PR-1411-L01103

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [ Tebrau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pertimbangan untuk meletakkan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan Persatuan-Persatuan Penduduk ini di bawah kuasa dan seliaan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan agar fungsi mereka lebih terurus dan terjamin.

59. PR-1411-L00721

**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kementerian bersedia mempertimbangkan cadangan formula pencen bagi kakitangan Telekom Malaysia dapat dinaikkan daripada 1/5 kepada 1/3 daripada gaji pokok kerana penggunaan formula lama menyebabkan ada pekerja yang pencennya kurang daripada RM200 sebulan sahaja.

60. PR-1411-L00744

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bagaimanakah prestasi ekonomi semasa negara, adakah ianya berada di dalam keadaan stabil ataupun Malaysia berada di ambang kebangkrapan.

61. PR-1411-L00656

**Tuan Wong Hon Wai [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI, SAINS, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-

- (a) bilakah penyerahan balik pengurusan Empangan Mengkuang yang siap dan *pump house* Mak Sulong kepada PBA Holdings Bhd dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang; dan
- (b) huraikan status dan sama ada 7 syarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang tentang penyerahan balik Empangan dan *pump house* dipenuhi.

62. PR-1411-L00145  
**Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah keseluruhan tentera Darat, Laut dan Udara daripada kaum bukan Bumiputera dan apakah langkah Kementerian bagi menggalakkan penyertaan kaum bukan Bumiputera menyertai perkhidmatan tentera.
63. PR-1411-L00279  
**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah subsidi yang disalurkan kepada MASwings untuk setiap tahun sejak Kerajaan menandatangani kontrak dengan MASwings bagi menyediakan perkhidmatan udara ke kawasan terpencil di Sabah dan Sarawak; dan
  - (b) senaraikan jumlah peruntukan yang disalurkan untuk setiap laluan bagi tahun 2017 dan 2018.
64. PR-1411-L00613  
**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah Kementerian akan meneruskan peruntukan bagi projek pembinaan dan naik taraf jalan luar bandar di Sabah terutama sekali di Parlimen Kinabatangan.
65. PR-1411-L00484  
**Tuan Chang Lih Kang [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kes kematian Teoh Beng Hock dan Ahmad Sarbani yang berlaku dalam penahanan SPRM. Adakah siasatan kedua-dua kes ini akan dibuka semula.
66. PR-1411-L00918  
**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [ Bagan Datuk ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kementerian berhubung penghapusan sistem vernakular dan mewujudkan sekolah satu aliran selaras dengan seruan Kerajaan ke arah Malaysia baharu.
67. PR-1411-L01220  
**Tuan Hasanuddin bin Mohd Yunus [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan Sekolah Kebangsaan Taman Pelangi, Semenyih.

68. PR-1411-L00424  
**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana Kerajaan ambil maklum penurunan harga barangan dan perkhidmatan tidak berlaku sepenuhnya seperti yang dicanangkan meskipun kadar Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang berkadar sifar telah dikuatkuasakan serta apakah mekanisme percukaian terbaru yang bakal dilaksanakan mampu menjamin penurunan harga barang.
69. PR-1411-L00420  
**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rasional penutupan Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar (IPGKRM) di Seremban yang sangat berjasa dalam melahirkan ramai guru yang berwibawa.
70. PR-1411-L00905  
**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) jumlah aduan mengenai masalah undi pos yang diterima oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bagi Pilihan Raya Umum Ke-14; dan
  - (b) rancangan Kerajaan bagi mempertingkatkan kecekapan Suruhanjaya Pilihan Raya dalam mengendalikan undi pos .
71. PR-1411-L01364  
**Tuan Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian bercadang menaikkan Bantuan Geran Tahunan memandangkan jumlah geran tidak pernah dikaji semula sejak diwujudkan kira-kira 15 tahun lalu. Elaun sukarela penyelia-penyelia bagi petugas-petugas Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) masih di bawah garis kemiskinan (RM650 sebulan) dan sarapan pagi hanya RM1.40 sehari seorang.
72. PR-1411-L00693  
**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semua projek pelebaran dan penambahbaikan jalan-jalan serta penambahbaikan sistem-sistem perparitan di Parlimen Mas Gading mengikut kawasan DUN serta status projek-projek tersebut daripada projek Rancangan Malaysia Ke-9 sehingga Rancangan Malaysia Ke-11.

73. PR-1411-L00947  
**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan permohonan kewarganegaraan mengikut pecahan etnik Melayu, India, Cina, Sikh, Orang Asal Semenanjung, Sabah dan Sarawak dan jantina serta yang di dalam proses, ditolak dan yang diluluskan dari 2013 sehingga sekarang. Apakah sebab permohonan yang lengkap ditolak tanpa sebab oleh pihak Kementerian.
74. PR-1411-L00312  
**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kedudukan gaji di Jabatan Penjara dikaji semula supaya selaras dengan tanggungjawab yang mereka pikul selama ini.
75. PR-1411-L01269  
**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah bantuan modal berbanding dengan sekolah bantuan penuh mengikut aliran masing-masing. Bagaimanakah Kementerian akan meningkatkan sumbangan dan menaik taraf sekolah-sekolah bantuan modal supaya dapat bersaing dengan sekolah-sekolah lain dari segi barang keperluan, penyelenggaraan bangunan dan infrastruktur.
76. PR-1411-L00086  
**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat membenarkan umur kelayakan pengundi diturunkan ke 18 tahun.
77. PR-1411-L00454  
**Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI, SAINS, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejauh manakah keberkesanan program inovasi dalam mengewangkan (*monetize*) produk dan teknologi negara digunakan sepenuhnya oleh Kerajaan.
78. PR-1411-L01408  
**Puan Hajah Natrah binti Ismail [ Sekijang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) adakah pelajar lepasan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) telah mendapat pengiktirafan sepenuhnya daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Lembaga Akreditasi Negara (LAN), dan; dan
  - (b) adakah pelajar lulusan DVM ini layak untuk memasuki perkhidmatan awam bagi gred 29.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Usul dibuat oleh Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] dan masalah dicadangkan :-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Keempat Belas."

**Menyambung semula Perbahasan atas masalah (19 Julai, 2018)**

2. PR-1411-U(27)003  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ] akan mencadangkan :-**

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Menteri Pendidikan memperjelaskan Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) supaya lepasan UEC boleh memohon untuk kemasukan universiti awam sesi pengambilan 2018/2019 yang bermula pada awal September 2018."

**[ Menteri Pendidikan ]**

3. PR-1411-U(27)004  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ] akan mencadangkan :-**

"Kementerian perlu mempunyai satu pendekatan yang sistematik dalam menyalurkan peruntukan tahunan dan dana khas untuk pembangunan serta penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJK) (*confirming school*) dan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) tanpa mengabaikan Sekolah Kebangsaan serta sekolah aliran lain Kementerian juga perlu mengumumkan garis panduan kelulusan pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang baharu serta penempatan semula SJK(C) yang kurang murid ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seharusnya menjadi sebahagian daripada perancangan pendidikan oleh Kementerian agar SJK(C) turut menjadi arus perdana sistem pendidikan kebangsaan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

4. PR-1411-U(27)005  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan ini mengambil satu ketetapan mengenai lambakan kes permohonan kewarganegaraan oleh kaum India dan Cina yang tertunggak sekian lama agar ia dapat diproses dengan segera serta diluluskan dalam tempoh tiga sehingga enam bulan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

5. PR-1411-U(27)006  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membatalkan projek kereta nasional baru apabila kegagalan Proton perlu diambil iktibar dan menumpu kepada usaha Kerajaan dalam menangani isu-isu industri automotif dalam negara serta memperkukuhkan industri automotif secara holistik selaras dengan Dasar Automotif Nasional."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

6. PR-1411-U(27)007  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Menteri Kewangan untuk membahaskan kaedah mengira hutang negara yang mengambil kira liabiliti luar jangkaan serta pajakan pengkongsian awam-swasta berbanding dengan kaedah antarabangsa seperti IMF dan jika Menteri menggesa untuk mengamalkan pengiraan baru ini, ia perlu dibentang untuk kelulusan dari Parlimen."

**[ Menteri Kewangan ]**

7. PR-1411-U(27)008  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-  
"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Perdana Menteri untuk membentang butiran-butiran termasuk terma-terma dan tujuan yang terlibat dalam permintaan kredit yen dari Kerajaan Jepun dan ia dibahas dalam Dewan ini."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**



8. PR-1411-U(27)009

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan apakah rancangannya untuk mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam dalam negara terutamanya di sekitar daerah Klang yang mana kesesakan lalu lintas dianggap mengakibatkan kehilangan 1.11% kepada 2.2% daripada KDNK terutamanya pengumuman pembatalan MRT3 telah dibuat."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

9. PR-1411-U(27)001

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan yang mulia ini akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi membolehkan warga kota memilih sendiri wakil-wakil untuk berkhidmat dalam Majlis Kerajaan Tempatan."

**[ Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan ]**

10. PR-1411-U(27)002

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini menyatakan kehilangan kepercayaan dan ketidakyakinan terhadap Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), iaitu Tan Sri Othman Bin Haji Mahmood, dan lima anggota SPR yang lain, iaitu Dato' Md Yusop Bin Haji Mansor, Datuk Haji Abdul Aziz Bin Khalidin, Haji Sulaiman Bin Haji Narawi, Dato' Bala Singam A/L Karupiah, dan Dato' Leo Chong Cheong, dan oleh itu menuntut agar mereka meletak jawatan sebagai anggota SPR dengan serta-merta."

**[ Menteri di Jabatan Perdana Menteri ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2018</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.53	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi Bagi Tahun 2015.	23 Julai 2018
ST.54	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi Bagi Tahun 2016.	23 Julai 2018

**\*\*UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 23.07.2018 (Isnin)	1. YB Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)	1. Isu Banjir Di Leba'an	1. YB Menteri Air, Tanah Dan Sumber Asli

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**